

27 FEB 1997

INDONESIA TIMBANG PERMINTAAN SAMSUNG DAPATKAN PEKERJANYA

SEREMBAN, 27 Feb (Bernama) -- Kerajaan Indonesia bersedia menimbangkan permintaan syarikat Samsung di Malaysia untuk mendapatkan kira-kira 300 orang lagi pekerja wanita negara itu bekerja di kilang syarikat berkenaan di sini.

Menteri Negara Urusan Peranan Wanita Indonesia Hajah Mien Sugandhi berkata, beliau menerima permintaan itu daripada pihak pengurusan syarikat elektronik daripada Korea Selatan dan ia akan dibincangkan dengan Departmen Tenaga Kerja negara itu.

"Pengurusan Samsung amat berpuas hati dengan prestasi pekerja wanita Indonesia dan bercadang mahu mengambil lebih banyak pekerja daripada negara itu", katanya kepada pemberita selepas melawat Kilang Samsung Electron Devices (M) Sdn Bhd (SEDM) di kawasan perindustrian Tuanku Ja'afar di sini hari ini.

Turut sama dalam lawatan lebih dua jam itu ialah Duta Besar Indonesia ke Malaysia Mohamad Jacob Dasto dan anggota rombongan sebanyak 20 orang.

Mien yang dalam rangka lawatan empat hari ke negara ini berkata, beliau amat berpuashati dengan layanan dan kemudahan yang diberikan kepada para pekerja wanita Indonesia di kilang berkenaan.

Katanya, pada masa kini terdapat 800 pekerja wanita negara itu bekerja di kilang Samsung dan mereka ditempatkan di asrama yang dibina khas untuk pekerja kilang berkenaan di kawasan berhampiran.

"Kerajaan Indonesia berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia terutamanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memberikan kesempatan kepada rakyatnya bekerja di negara ini".

Terdahulu itu dalam pertemuan beliau dengan pekerja negara berkenaan, Mien berharap mereka akan berusaha meningkatkan kemahiran yang dipelajari di kilang berkenaan disamping sentiasa menjaga imej negara.

"Saya juga meminta saudari-saudari memberitahu saudara mara di Indonesia agar menggunakan saluran yang betul jika mahu datang ke Malaysia agar tidak melanggar peraturan".

Beliau tidak mahu mereka menerima nasib yang sama seperti yang dialami oleh beribu pendatang rakyat Indonesia yang kini ditahan di kem-kem tahanan sementara Imigresen kerana memasuki negara ini tanpa izin. -- BERNAMA

RAB MA